

DARI OSMAN TAIB

(1983

NEW DELHI, 9 MAC (BERNAMA)--DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD RASA GEMBIRA DENGAN PERJALANAN SIDANG KEMUNCAK BERKECUALI YANG KETUJUH DAN BERHARAP NEGARA-NEGARA ANGGOTA DAPAT MENCAPAI PERSE- TUJUAN DALAM BEBERAPA BIDANG TERTENTU WALAUPUN TERDAPAT PAN- CANGAN YANG BERBEZA-BEZA YANG DISUARAKAN MENGENAI PELABAGAI ISU.

BELIAU BERKATA SIDANG KEMUNCAK ITU YANG DIHADIRI OLEH 100 NEGARA ANGGOTA, MERUPAKAN SEBUAH FORUM YANG BAIK BAGI MENGUKUR PANDANGAN DAN FIKIRAN NEGARA-NEGARA DARIPADA PELBAGAI LATAR BELAKANG IDEOLOGI MENGENAI ISU-ISU POLITIK DAN EKONOMI MASAKINI.

WALAUPUN MEREKA YANG BERUCAP PADA UMUMNYA MENYENTUH ISU-ISU YANG SAMA, PENDEKATAN TERHADAP MASALAH-MASALAH TERTENTU JAUH BERBEZA DAN INILAH YANG MEMBUAT PERBAHASAN MENARIK, KATANYA.

PERDANA MENTERI YANG MENGHADIRI DUA HARI PERTAMA SIDANG KEMUNCAK BERLEPAS KE LONDON HARI INI UNTUK LAWATAN PERIBADI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA DALAM BEBERAPA ISU PENTING SEPERTI MASALAH ASIA BARAT DAN KEADAAN EKONOMI DUNIA, PANDANGAN YANG DISUARAKAN ADALAH SEBULAT SUARA.

INI, KATANYA, JELAS MENUNJUKKAN BAHAWA PERGERAKAN BERKECUALI BOLEH MENCAPAI PERSETUJUAN DALAM BEBERAPA BIDANG TERTENTU UNTUK MEHAJARKAN KEWUJUDANNYA. --LAGI 1710/MD
NNNN

MAHATHIR-GEMBIRA 2 NEW DELHI

+KITA TIDAKLAH BOLEH HARAP DAPAT BERSEPENDAPAT DALAM SEMUA PERKARA TETAPI HAKIKAT BAHAWA KITA DAPAT BERSETUJU MENGENAI ISU- ISU PENTING TERTENTU MEMBERIKAN KITA KEDUDUKAN YANG BAIK DI BANGSA-BANGSA BERSATU DAN FORUM-FORUM ANTARABANGSA YANG LAIN,+ TEGASNYA.

+LAGIPUN, NEGARA-NEGARA BERKECUALI MERUPAKAN DUA PERTIGA DARIPADA KEANGGOTAAN BANGSA-BANGSA BERSATU.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYATAKAN BAHAWA SEMASA DI SINI BELIAU BERPELUANG MENEMUI BEBERAPA ORANG PEMIMPIN DUNIA KETIGA +WALAUPUN KAMI TIDAK BANYAK MASA UNTUK BERBINCANG SERIUS+.

ANTARA MEREKA YANG BELIAU TEMUI IALAH PEMIMPIN-PEMIMPIN MESIR DAN LIBYA, MENTERI LUAR MALI DAN PERDANA MENTERI INDIA INDIRA GANDHI YANG JUGA PENERUSI SIDANG KEMUNCAK.

SEMENTARA ITU, UCAPAN DATUK SERI DR. MAHATHIR DI SIDANG KEMUNCAK SEMALAM DISAMBUK BAIK OLEH KEBANYAKAN PARA PERWAKILAN WALAUPUN MENGGUGAT SETENGAH-SETENGAH PIHAK.

IA MEMANG MEMERANJATKAN VIETNAM DAN NEGARA-NEGARA RAKANNYA KERANA SELEWAT ISNIN, MENTERI LUARNYA NGUYEN CO THACH MASIH CUBA MEMUJUK ASEAN SUPAYA JANGAN MENGUTAMAKAN ISU KAMPUCHEA. -- LAGI 1737/MD

ZCZC 0070
MAHATHIR-GEMBIRA 3 NEW DELHI

PERTEMUAN SINGKATNYA DENGAN MENTERI LUAR TAN SRI GHAZALI SHAFIE LEWAT ISNIN DISIFATKAN OLEH PARA PEMERHATI SEBAGAI +CUBAAN TERDESAK UNTUK MEMUJUK PERDANA MENTERI MALAYSIA DARIPADA MENYENTUH ISU KAMPUCHEA DALAM UCAPANNYA DI SIDANG KEMUNCAK.+

SEBELUM ITU, ENCIK CO THACH BERJUMPA DENGAN RAKAN SEJAWATNYA DARI SINGAPURA, ENCIK S. DHANABALAN, UNTUK MEYAKINKAN ASEAN SUPAYA JANGAN MEMBANGKITKAN ISU KAMPUCHEA DI FORUM-FORUM ANTARA-BANGSA TETAPI CADANGANNYA DITOLAK SEBULAT-BULATNYA OLEH ENCIK DHANABALAN.

SEORANG WARTAWAN KANAN VIETNAM YANG MEMBUAT LIPUTAN DI SIDANG KEMUNCAK TERKEJUT APABILA MEMBACA UCAPAN DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DIEDARKAN OLEH PARA PEGAWAI MALAYSIA SEBAIK SAHAJA PERDANA MENTERI MENGAMBIL TEMPAT UNTUK BERUCAP.

+SAYA PIKIR ANDA TELAH BERSETUJU TIDAK AKAN MENYEBUT ISU KAMPUCHEA DI SIDANG KEMUNCAK,+ KATANYA KEPADA SEORANG WARTAWAN MALAYSIA YANG DUDUK DI SEBELAHNYA.

SEMENTARA VIETNAM DAN PARA PENYOKONGNYA KURANG GEMBIRA DENGAN UCAPAN ITU, YANG LAIN BERPENDAPAT UCAPAN TERSEBUT MERUPAKAN YANG PALING BAIK DI SIDANG KEMUNCAK SETAKAT INI. --LAGI 1805/MD
NNNN

ZCZC 0647
MAHATHIR - GEMBIRA 4 NEW DELHI

MEREKA BERKATA DATUK SERI DR. MAHATHIR AMAT TEPAT DAN BERTERUS TERANG DALAM UCAPANNYA DAN CADANGAN-CADANGANNYA +SANGAT MEMBINA.+

RAJA NEPAL BEGITU TERTARIK DENGAN UCAPAN ITU LALU MENGIRIM NOTA MENERUSI SETIAUSAHANYA UNTUK MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA DATUK SERI DR. MAHATHIR.

NOTA ITU MENYATAKAN BAGINDA AMAT TERTARIK DENGAN UCAPAN TERSEBUT YANG MERUPAKAN TERBAIK SETAKAT INI DI SIDANG KEMUNCAK.

DATUK SERI DR. MAHATHIR TELAH MENUJU KE TEMPAT BAGINDA UNTUK BERSALAMAN DENGANNYA DAN MENGUCAPKAN TERIMA KASIH ATAS SOKONGAN BAGINDA.

BEBERAPARANG PEMIMPIN YANG LAIN JUGA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PERDANA MENTERI ATAS PENDIRIAN BERANINYA MENGENAI ISU-ISU AFGHANISTAN DAN ASIA BARAT.

SEORANG WAKIL DARI PAKISTAN BERKATA PANDANGAN MALAYSIA BERTUHUBUNG DENGAN KEADAAN EKONOMI DUNIA AMAT RELEVAN DAN SYOR-SYORNYA MENGENAI KERJASAMA SELATAN-SELATAN AMAT MEMBINA.
--LAGI 1810/MD

NNNN

ZCZC 0648
MAHATHIR - GEMBIRA 5 NEW DELHI

BEBERAPA ORANG WAKIL AERIKA MELAHIRKAN SOKONGAN SERUPA. MEREKA MENGALU-ALUKAN LANGKAH MALAYSIA UNTUK MEMPERLUASKAN KERJASAMA EKONOMI DAN TEKNIK DI LUAR PERBATASAN SERANTAU.

SYOR DATUK SERI DR. MAHATHIR BAGI REJIM ANTARTIKA JUGA MENDAPAT SOKONGAN LUAS DARIPADA PARA PERWAKILAN YANG MERASA ISU ITU HENDAKLAH DITIMBULKAN DI SIDANG AKAN DATANG PERHIMPUNAN AGUNG BANGSA-BANGSA BERSATU.

JAUH BERBEZA DENGAN SOKONGAN YANG DIBERIKAN KEPADA PERDANA PERDANA MENTERI MALAYSIA IALAH SEMBUTAN DINGIN YANG DITERIMA OLEH PERDANA MENTERI VIETNAM PHAM VAN DONG.

BAK KATA SEORANG DIPLOMAT: +ENCIK DONG MENERIMA TEPUKAN GEMURUH APABILA BERUCAP DI SIDANG KEMUNCAK DI HAVANA--SAMBUTAN SEBEGITU TIDAK KETARA KALI INI.+ --BERNAMA 1815/MD
NNNN